

PENGAJARAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN SIVIL: SATU PENDEKATAN DALAM PERBAHASAN DALALAT AL-ALFAZ ILMU USUL FIQH¹

IRWAN BIN MOHD SUBRI²
ARIF FAHMI MD YUSOF³

Abstract

Discussion of Dalalat al-Alfaz is vital in Usul Fiqh. It refers to the understanding of lafz in Quran and Sunnah. Conventionally, discussion on Dalalat al-Alfaz is merely taught to comprehend the meaning of lafz in al-Quran and Sunnah. Conversely, Dr. Abdul Karim Zaydan in his book "Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh" applied the concept of Dalalat al-Alfaz to comprehend alfaz in Egyptian and Iraqis laws. This article attempts to initiate a practical method in teaching Usul Fiqh to students by applying the maxims in Dalalat al-Alfaz to comprehend the Shariah dan civil law in Malaysia. It attempts to familiarize the students with these two laws. With that, ultimately, the students are competent to comprehend the theory of Dalalat al-Alfaz and apply it in reading Shariah and civil law in Malaysia, for having enhanced understanding of them.

MUKADDIMAH

Usul Fiqh merupakan subjek yang penting dalam pengajian syariah. Ini kerana Usul Fiqh adalah mekanisme *istinbat* hukum yang diperlukan oleh para mujtahid. Melalui Usul Fiqh, mereka dapat menganalisis hukum hakam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka juga dapat menentukan hukum bagi isu-isu baru yang tidak disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah secara khusus. Lantaran itulah semua institusi pengajian Islam samada di peringkat pondok, sekolah agama atau universiti menjadikannya sebagai subjek wajib dan teras kepada pengajian syariah. Tanpa Usul Fiqh, pengajian ilmu Syariah akan menjadi pincang.

Tugas pengajar subjek ini ialah untuk memahamkan para pelajar mengenai metode dan kaedah yang perlu ada, bukan sahaja untuk

1 Artikel ini telah diubahsuai daripada kertas kerja asal yang telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Harmonisasi Undang-Undang Syariah Dan Sivil: Ke Arah Kaedah Harmonisasi pada 29-30 Jun 2005, anjuran Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur.

2 Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

3 Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

mujtahid tetapi untuk pelajar itu sendiri dalam memutuskan hukum sekiranya timbul sesuatu isu yang memerlukan ijtihad. Sepatutnya tugas ini tidak terhenti setakat memahamkan sahaja, tetapi juga memastikan para pelajar dapat mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari dalam realiti kehidupan. Usul Fiqh mempunyai banyak teori dan kaedah yang perlu difahami oleh seseorang pelajar. Ia terdiri daripada perbahasan teori hukum, sumber-sumber hukum, *Dalalat al-Lafz*, *Nasikh Mansukh*, *al-Ta'arud*, *al-Tarjih*, *Ijtihad*, *Taqlid* dan *Maqasid* syarak.

Subjek Usul Fiqh agak rumit perbahasannya dan para pelajar mungkin berasa tertekan untuk memahaminya. Justeru, perlu sentiasa diperkenalkan metode baru dalam pengajaran subjek Usul Fiqh agar ia diminati oleh pelajar. Pembaharuan pendekatan dalam pengajaran subjek ini dapat membantu menarik minat para pelajar untuk berbincang mengenai teori-teori Usul Fiqh yang dipelajarinya, seterusnya mengaplikasikannya dalam tugas yang dibentangkan dalam kelas.

Penulis cuba memperkenalkan pendekatan terbaru dalam pengajaran subjek Usul Fiqh di Malaysia, iaitu dengan membawa contoh-contoh daripada undang-undang Syariah dan Sivil di Malaysia sebagai aplikasi perbahasan *Dalalat al-Alfaz* iaitu kaedah penganalisaan bahasa di samping contoh-contoh daripada nas-nas al-Quran dan Sunnah.

DEFINISI USUL FIQH

Untuk memahami sesuatu ilmu, ia bergantung kepada gambaran umum ilmu tersebut yang dijelmakan melalui definisinya. Penulis membawa beberapa definisi yang masyhur antaranya, Usul Fiqh ialah:

- i. “Mengetahui dalil-dalil fiqh yang ijmal, dari segi cara mengistinbat hukum daripadanya. Begitu juga mengetahui hal-hal mujtahid dan ijtihad” (*al-Isnawiyy* 1999: 7 & *al-Raziyy* 1999: 4).
- ii. “Dalil-dalil hukum dan cara “dalalah” (pengertian)nya ke atas hukum secara ijmal dan bukannya tafsili” (*al-Ghazaliyy* 1997: 15).
- iii. “Mengetahui kaedah-kaedah yang tujuannya ialah untuk mengistinbat hukum syarak” (*al-Maqdisiyy* 1999: 15 & *al-Shawkaniyy* 1999: 28).

Dalil-dalil yang dimaksudkan dalam definisi-definisi di atas adalah sumber-sumber fiqh yang disepakati ulama seperti al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas atau sumber-sumber fiqh yang tidak disepakati seperti *Istihsan*, *Istishab*, *Maslahah* dan lain-lain (*Dawudi* 1999: 41). Oleh itu menurut Mahmood Zuhdi (1997: 6), penganalisaan hukum daripada al-Quran dan al-Sunnah memerlukan kaedah yang jelas sebagai satu disiplin pengajaran, iaitu yang dikenali sebagai ilmu Usul Fiqh. Dapat disimpulkan bahawa ilmu Usul Fiqh ini ialah kaedah-kaedah umum yang digunakan untuk mengistinbatkan hukum furuk syarak daripada dalil-dalil tafsili (*al-*

Ashqar 2001: 7) atau dengan ibarat lain ia adalah metode istinbat hukum (Zaydan 1993: 13).

LATAR BELAKANG CADANGAN METODE PENGJARAN

Dalalat al-Alfaz atau “*Turuq Istibat al-Ahkam*” atau “*Tafsir al-Nusus*” adalah berkenaan cara untuk memahami dan mengeluarkan hukum daripada sumber-sumbernya atau metodologi yang menjadi panduan kepada para mujtahid untuk mengistinbat hukum daripada sumber-sumbernya (Zaydan 1993: 27) yakni daripada teks al-Quran dan Sunnah.

Kebiasaannya apabila pelajar mempelajari Usul Fiqh, contoh-contoh yang diberikan hanyalah daripada nas-nas al-Quran atau Sunnah sahaja. Namun Dr. Abd al-Karim Zaydan telah mengaplikasi-kan perbahasan *Dalalat al-Alfaz* untuk mentafsirkan atau memahami teks undang-undang dalam kitabnya “*al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*”.⁴ Pendekatan Dr. Abd al-Karim Zaydan ialah dengan membawakan contoh-contoh daripada undang-undang Sivil Mesir dan Iraq apabila beliau menjelaskan tajuk-tajuk tertentu dalam perbahasan *Dalalat al-Alfaz* seperti tajuk *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* di samping contoh-contoh daripada nas.

Dr. Abd a-Karim Zaydan (1993: 271) pada permulaan Bab ketiga (*Turuq Istibat al-Ahkam Wa Qawa'iduh*) dalam bukunya “*al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*” telah menjelaskan dengan panjang lebarnya mengenai peri pentingnya kaedah-kaedah Usuliyah ini untuk mentafsirkan nas-nas (teks-teks) undang-undang yang tertulis dalam bahasa arab.⁵ Ini kerana keadah-kaedah ini adalah neraca atau kayu ukur untuk memahami ibarat dan uslub bahasa arab. Selagi mana sesuatu undang-undang tertulis dalam bahasa arab, maka ia tertakluk kepada neraca (kaedah-kaedah usuliyah) tersebut untuk memahami maksud lafaznya, samada undang-undang itu memang tertulis dalam bahasa arab asalnya atau ia terjemahan daripada mana-mana bahasa ke bahasa arab.

Hal yang sama telah disentuh oleh Abd al-Wahhab Khallaf (t.th: 141) dalam bukunya ‘Ilm Usul al-Fiqh. Beliau berkata, kaedah-kaedah Usul ini bertujuan untuk memahami ibarat dengan kefahaman yang betul. Dengan kaedah-kaedah ini juga, boleh digunakan untuk memahami undang-undang yang tertulis dalam bahasa Arab. Undang-undang yang tertulis dalam bahasa Arab ini samalah seperti nas-nas Syarak (al-Quran dan Sunnah) kerana kesemuanya adalah ibarat-ibarat bahasa Arab yang terdiri daripada perkataan-perkataan Arab dan diolah menurut uslub bahasa Arab.

4 Lihat perbahasan “*Turuq Istibat al-Ahkam Wa Qawa'iduh*” dalam kitab “*al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*” karangan Dr. Abd al-Karim Zaydan.

5 Ini bererti, perbahasan *Dalalat al-Alfaz* tidak hanya tertakluk untuk memahami nas-nas syarak sahaja, tetapi tergunapakai untuk semua nas atau teks, samada nas wahyu atau teks undang-undang atau teks-teks lain.

Menurut Dr. Abd a-Karim Zaydan (1993: 27) lagi, sekiranya kita tidak meraikan kaedah-kaedah usul dalam pentafsiran sesuatu teks undang-undang, ia boleh membawa kepada pemahaman yang salah terhadap undang-undang tersebut yang boleh menjasaskan hak-hak manusia.

Penulis merasakan pendekatan sebegini adalah amat baik kerana pelajar-pelajar yang mempelajari perbahasan *Dalalat al-Alfaz* dalam subjek Usul Fiqh akan didedahkan dengan contoh-contoh daripada nas-nas al-Quran dan Sunnah serta contoh-contoh daripada teks undang-undang. Di Malaysia pendekatan ini akan menjadi lebih unik lagi kerana terdapat dua jenis undang-undang yang dipraktik-kan di negara ini iaitu undang-undang Syariah dan undang-undang Sivil. Justeru, pelajar dapat mentafsirkan maksud sesuatu lafadz dalam dua undang-undang menurut kacamata Usul Fiqh.

PERLAKSANAAN⁶

Di Malaysia, institusi-institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui jabatan atau fakulti Syariah masing-masing menggunakan sistem kuliah dan tutorial. Penulis mencadangkan agar pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek Usul Fiqh terutamanya yang berkaitan dengan *Dalalat al-Alfaz* agar mempraktikkan metode ini untuk memastikan para pelajar dapat mengaplikasi kaedah-kaedah usuliyah yang mereka pelajari dalam kuliah.

Sebagai contoh perlaksanaan metode ini, ketika pensyarah mengajar dalam kuliah tentang perbahasan *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* (contohnya), beliau akan memberikan definisi kedua-dua lafadz tersebut, menjelaskan hukum kedua-duanya serta membawa contoh lafadz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* daripada nas al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian beliau akan memberi contoh lafadz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* yang terdapat dalam Enakmen Syariah Negeri (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 contohnya) dan akta undang-undang Sivil (Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 contohnya). Seterusnya pensyarah menjelaskan kenapa lafadz-lafadz yang terdapat dalam undang-undang Syariah dan Sivil dikatakan lafadz *al-Mutlaq* atau lafadz *al-Muqayyad*.


Manakala dalam kelas tutorial pula, para pelajar akan diberi tugasan untuk mencari contoh-contoh lafadz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* yang terdapat dalam mana-mana Enakmen Syariah Negeri dan akta undang-undang Sivil, dan mereka akan membentangkan dalam kelas tutorial. Pensyarah perlu memastikan bahawa pada setiap kali kuliah dan tutorial, contoh-contoh yang dibawa perlu diambil daripada kedua-dua undang-

6 Metode pengajaran ini adalah teori penulis dan akan dilaksanakan pada semester 1 sesi 2005/2006 untuk pelajar-pelajar tahun dua Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM yang mengambil subjek LAA2013 Usul Fiqh 2 sebagai permulaan dan percubaan.


undang Syariah dan Sivil agar pemahaman terhadap sesuatu topik perbahasan dalam *Dalalat al-Alfaz* difahami dengan baik dan melihat sejauhmana para pelajar dapat mempraktikkan dalam mentafsirkan lafaz teks undang-undang.

Secara ringkasnya rajah pengajaran subjek Usul Fiqh yang menggunakan metode ini adalah seperti berikut:

KULIAH



TUTORIAL



CONTOH-CONTOH PENGAPLIKASIAN METODE PENGAJARAN INI DALAM ENAKMEN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SIVIL MALAYSIA

Berikut dikemukakan contoh-contoh pengaplikasian pengajaran yang menerapkan metode yang ingin dicadangkan:

Lafaz *al-Mutlaq*

Lafaz *al-Mutlaq* didefinisikan sebagai:

Maksudnya: "Lafaz yang menunjukkan seorang atau ramai yang tidak tertentu, tanpa dikaitkan dengan apa-apa sifat yang berasingan pada lafaz" (*al-Khudariyy* t.th: 224).

Sekiranya lafaz *al-Mutlaq* didapati dalam apa-apa teks, maka

hukumnya ialah ia kekal dalam keadaan *al-Mutlaq* (tidak bersifat), yakni ia tidak boleh dikaitkan dengan apa-apa sifat selagi mana tidak ada dalil yang mengaitkannya dengan apa-apa sifat (Salqiniyy 1991: 327).

Contoh Lafaz *al-Mutlaq* dalam al-Quran

Allah berfirman dalam surah (al-Mujadalah 58:3):

Maksudnya: "Orang-orang yang menzihar isteri mereka, kemudian mereka hendak menarik kembali apa yang mereka ucapkan, maka (wajib ke atasnya) memerdekaan seorang hamba sebelum kedua-dua suami isteri (boleh) berjimak".

Lafaz (hamba) dalam ayat ini adalah lafaz *al-Mutlaq* kerana ia tidak dikaitkan dengan apa-apa sifat. Ini bererti suami yang ingin membayar kaffarah zihar boleh memerdekaan mana-mana hamba samada dia muslim atau tidak. Tidak boleh menetapkan sifat-sifat tertentu pada lafaz tersebut kerana Allah S.W.T tidak menyebut sifat-sifat tertentu untuk pembebasan hamba dalam isu kaffarah zihar.

Contoh Lafaz *al-Mutlaq* dalam Sunnah

Diriwayatkan daripada Ali RA, dia berkata:

Maksudnya: "Rasulullah S.A.W bersabda, Jangan kamu dedahkan paha kamu dan jangan lihat paha orang hidup atau yang mati".⁷

Perkataan (orang hidup) dan (orang mati) adalah lafaz *al-Mutlaq* kerana ia tidak dikaitkan dengan apa-apa sifat. Jadi hukumnya tidak boleh melihat paha orang hidup samada dia muda atau tua, kaya atau miskin kerana ia adalah aurat. Begitu juga tidak boleh melihat paha orang mati samada disebabkan kemalangan atau bunuh diri. Ia kekal *Mutlaq* sehinggalah ada dalil lain yang mengharuskan melihat paha orang lain.

Contoh Lafaz *Al-Mutlaq* Dalam Enakmen Syariah Di Malaysia

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) (2001: 13), seksyen 15 (Tidak Menghormati Ramadhan) memperuntukan:

Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadhan:

- a) menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta merta dalam waktu itu; atau
- b) secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang seumpamanya, adalah

7 Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah dalam Nayl al-Awtar, jil. 2, no. 515 (*Bab Bayan al-'Awrah Wa Haddiha*). Lihat al-Shawkaniyy 1993: 73.

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Dalam akta ini, perkataan "makanan", "minuman" dan "rokok" disebut secara *Mutlaq* (tidak dikaitkan dengan apa-apa sifat), maka apa-apa jenis sahaja daripada ketiga-tiga benda tersebut yang dimakan, diminum atau dihisap maka boleh dikenakan hukuman seperti yang tersebut dalam akta ini.

Contoh Lafaz *Al-Mutlaq* Dalam Undang-Undang Sivil Di Malaysia

Akta Hakcipta 1987 (Akta 332) seksyen 12 (Pentadbiran Hakcipta Kerajaan) (2000:107) memperuntukan:

Jika hakcipta bagi mana-mana karya adalah terletakhak pada Kerajaan, Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan hakcipta itu hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan kawalan hakcipta tersebut bagi pihak kerajaan: dengan syarat bahawa Kementerian atau Jabatan berkenaan boleh memberi kuasa kepada Pengarah Arkib Negara untuk mentadbir dan mengawal hakcipta tersebut bagi pihak kerajaan.

Lafaz "karya" dalam akta ini disebut tanpa sifat atau kait, justeru ia adalah lafaz *al-Mutlaq* dan membawa maksud apa-apa jenis karya sekalipun. Tidak boleh menambah apa-apa sifat kepada lafaz tersebut kecuali terdapat dalil yang mengatakan begitu.

Lafaz *al-Muqayyad*

Lafaz *al-Muqayyad* didefinisikan sebagai:

Maksudnya: "*Lafaz yang menunjukkan seorang atau ramai yang tidak tertentu dan ia dikaitkan dengan apa-apa sifat yang berasingan pada lafaz*" (*al-Khudariyy t.th: 224*).

Sekiranya lafaz *al-Muqayyad* didapati dalam apa-apa teks, maka hukumnya ialah ia kekal dalam keadaan *al-Muqayyad* (bersifat), yakni tidak boleh menafikan (membuang) sifat tersebut selagi mana tidak ada dalil yang menafikan sifat itu (*Salqiniyy 1991: 327*).

Contoh Lafaz *al-Muqayyad* dalam al-Quran

Allah berfirman dalam surah (*al-Mujadalah 58:4*):

Maksudnya: "*Sesiapa yang tidak mendapatkan hamba untuk dibebaskan, maka (wajib keatasnya) berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum kedua-dua suami isteri (boleh) berjimak*".

Lafaz (2 bulan) dalam ayat ini adalah lafaz *al-Muqayyad* kerana ia

dikaitkan dengan sifat (berturut-turut). Ini bererti suami yang tidak mampu membayar kaffarah zihar iaitu membebaskan hamba, maka dia perlu berpuasa dua bulan secara berturut-turut, yakni tidak boleh berpuasa selang sehari. Sekiranya dia berpuasa selang sehari maka dia perlu bermula puasanya semula. Tidak boleh menafikan sifat tersebut kerana ia telahpun disebut oleh Allah S.W.T dalam ayat ini.

Contoh Lafaz *al-Muqayyad* dalam Sunnah

Said bin Mansur meriwayatkan:

Maksudnya: "Aku bersembahyang belakang Rasulullah S.A.W, ketika baginda duduk dan tasyahhud (awal), baginda membentangkan kaki kirinya atas bumi dan duduk di atasnya".⁸

Lafaz (kaki) adalah lafaz *al-Muqayyad* kerana ia dikaitkan dengan sifat (kiri). Ketika tasyahhud awal, Sunnahnya adalah duduk di atas kiri (duduk *iftirash*) seperti yang dilakukan oleh Rasullah S.A.W dalam hadis ini dan bukannya duduk atas kaki kanan.

Contoh Lafaz *al-Muqayyad* dalam Enakmen Syariah di Malaysia

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) (2001: 12-13), seksyen 14 (Tidak menuaikan sembahyang jumaat) memperuntukkan:

Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menuaikan sembahyang jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Hukuman denda dan penjara dikenakan ke atas orang lelaki yang tidak bersembahyang jumaat dan lafaz "lelaki" dalam akta ini dikaitkan dengan sifat "yang baligh". Jadi lafaz "lelaki yang baligh" adalah lafaz *al-Muqayyad* dan ini bererti lelaki yang tidak mempunyai sifat baligh (seperti kanak-kanak belum baligh) tidak dikenakan hukuman sekiranya dia meninggalkan sembahyang jumaat.

Contoh Lafaz *al-Muqayyad* dalam Undang-Undang Sivil di Malaysia

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) seksyen 8A (1) (Kesalahan Kerana Menyiarkan Berita Yang Tidak Benar) (2000: 324) memperuntukkan:

Jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar, maka pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita itu adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan

8 Diriwayatkan dalam Nayl al-Awtar, jil. 2, no. 769 (*Bab Sifat al-Julus Fi al-Tashahhud Wa Bayna al-Sajdatayn*). Lihat al-Shawkaniyy 1993: 316.

boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Lafaz "berita" dalam akta ini dikaitan dengan sifat "yang tidak benar", oleh itu ia adalah lafaz *al-Muqayyad*. Hukuman yang tersebut dalam akta ini hanya dijatuhkan kepada pihak yang menyiaran berita "yang tidak benar" sahaja.

APLIKASI METODE USUL FIQH DALAM UNDANG-UNDANG SIVIL MALAYSIA

Penulis berpendapat tiada cacat celanya penggunaan metode Usul Fiqh terhadap pentafsiran undang-undang sivil seperti mana contoh-contoh yang diberi dalam lafaz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* yang diterangkan dalam contoh-contoh terdahulu sebelum ini. Malah tidak menjadi kesalahan jika diterapkan kaedah Usuliyah dalam undang-undang sivil untuk memahaminya.

Lafaz-lafaz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* ini sebenarnya telah diguna pakai dalam mentafsirkan undang-undang di Mahkamah Sivil oleh hakim-hakim dengan mengguna pakai kaedah pendekatan literal (*literal approach*).

Kaedah pendekatan literal ini ialah memberi tafsiran kepada sesuatu perkataan atau lafaz dalam akta atau enakmen mengikut maksud yang diberikan oleh akta atau enakmen tersebut.

Sebagai contoh perkataan "*scrap rubber*" dalam kes *Kon Fatt Kiew lwn PP*⁹ telah ditafsirkan sebagai "*rubber*" oleh Hakim Cussen mengikut definisi yang diberikan oleh akta atau enakmen berkenaan.

Perkataan *rubber* dalam kes ini boleh didefinisikan sebagai jenis lafaz *al-Mutlaq* yang tidak bersandarkan kepada sifat atau kait. Justeru, sebarang jenis *rubber* adalah ditafsirkan sebagai *rubber* mengikut definisi yang diberikan oleh sesuatu akta atau enakmen.

Justeru, pentafsiran undang-undang melalui lafaz *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* adalah bersamaan dengan pentafsiran mengikut pendekatan literal yang dipakai oleh mahkamah-mahkamah sivil.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan, iaitu dalam pentafsiran yang diguna pakai oleh mahkamah sivil tidak membahagikan sesuatu perkataan kepada *al-Mutlaq* dan *al-Muqayyad* bergantung kepada adanya sifat atau tidak, namun pendekatannya tetap sama, iaitu pendekatan yang menjelaskan maksud mengikut kehendak lafaz atau perkataan di dalam suatu ayat atau frasa.

KELEMAHAN DAN KEKUATAN

Perkara yang akan dibangkitkan dalam perlaksanaan metode pangajaran ini ialah, undang-undang Syariah dan Sivil di Malaysia ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bukannya bahasa Arab! Jika dilihat kenyataan

9 [1935] MLJ 239

Dr. Abd al-Karim Zaydan dan Syeikh Abd al-Wahhab Khallaf di atas, mereka telah menyatakan bahawa kaedah-kaedah Usul yang terdapat dalam perbahasan *Dalalat al-Alfaz* hanya tergunaapakai kepada teks-teks bahasa Arab. Bagaimana?

Penulis berpendapat ia dapat diatasi dengan dua cara:

1. Walaupun undang-undang Syariah dan Sivil di Malaysia ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, tetapi kaedah-kaedah usuliyah masih boleh diterapkan dalam undang-undang tersebut untuk mentafsirkannya, seperti contoh-contoh yang penulis bawakan di atas. Walaupun kita tidak dapat melaksanakan seratus peratus kaedah-kaedah usuliyah terhadap undang-undang Syariah dan Sivil yang ditulis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris di Malaysia, tetapi kita boleh manfaatkan persamaan-persamaan yang ada antara ketiga-tiga bahasa tersebut.
2. Menterjemahkan undang-undang Syariah dan Sivil di Malaysia ke bahasa Arab untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan (undang-undang Syariah) dan Akta Kontrak 1950 (undang-undang Sivil) diterjemahkan ke bahasa Arab sebagai bahan rujukan undang-undang oleh pelajar untuk mencari contoh-contoh daripadanya.

Pendekatan ini diharapkan dapat menarik minat para pelajar terhadap subjek Usul Fiqh kerana mereka tidak lagi didedahkan dengan teori semata-mata tetapi didedahkan juga dengan unsur-unsur praktikal. Apabila para pelajar diminta menyediakan contoh-contoh daripada undang-undang Syariah dan Sivil yang berkaitan dengan perbahasan *Dalalat al-Alfaz*, maka ia membuka ruang kepada mereka untuk mengaplikasikan teori-teori yang mereka pelajari dalam kuliah. Ini juga untuk mengelakkan para pelajar hanya mengulangi apa yang diajar oleh pensyarah dalam kelas tutorial.

Ia juga satu kelebihan kepada para pelajar apabila mereka bertugas sebagai peguam atau hakim atau pegawai undang-undang satu hari nanti. Sekiranya keadaan memerlukan kepada pentafsiran makna lafadz dalam sesuatu undang-undang, maka mereka boleh mentafsirkannya dengan makna yang betul mengikut kaedah-kaedah usuliyah yang mereka pelajari dulu, disamping kaedah pendekatan literal (*literal approach*) yang diamalkan di mahkamah-mahkamah sivil.

PENUTUP

Pada pendapat penulis, pelajar-pelajar yang didedahkan dengan metode pengajaran sebegini mempunyai kelebihan tersendiri. Mereka bukan hanya tahu perbahasan *Dalalat al-Alfaz* secara traditional, yakni hanya mengetahui contoh-contoh daripada nas-nas syarak, bahkan mereka juga

tahu mengaplikasikan kaedah-kaedah Usuliyyah terhadap teks undang-undang.

Ini sebenarnya sebagai bekalan tambahan kepada mereka, tambahan pula peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar dalam bidang Syariah sekarang ini lebih luas. Bidang guaman atau kehakiman Syarie salah satu alternatif kepada mereka selain daripada mengajar di sekolah-sekolah atau bekerja di jabatan-jabatan agama negeri. Bidang guaman atau kehakiman Syarie memerlukan kemahiran dan kepakaran yang tinggi kerana ia melibatkan enakmen atau undang-undang Syarie yang perlu ditafsirkan menurut kaedahnya yang betul. Justeru, melalui cadangan pengajaran dan pengajian yang dicadangkan penulis, diharapkan dapat melahirkan graduan-graduan Syariah yang mampu mengaplikasikan apa yang mereka pelajari dalam kehidupan sebenar.

Bukan sahaja kepada mahasiswa Syariah, bahkan metode ini juga memberi faedah kepada mahasiswa undang-undang kerana mereka telah diperkenalkan dengan kaedah *literal*, *golden* dan *purposive*. Melalui kaedah *Dalalat al-Azfaz* pula mereka akan memantapkan lagi pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap teks undang-undang. Ini kerana kedua-dua kaedah ini mempunyai beberapa persamaan.

Bagi menjayakan metode pengajaran cadangan ini, perlu ada kerjasama antara fakulti yang menawarkan pengajian Syariah dan fakulti yang menawarkan pengajian undang-undang. Kerjasama tersebut ialah dengan membuat silibus bersepada untuk memastikan mahasiswa kedua-dua bidang pengajian didedahkan dengan kaedah *Dalalat al-Azfaz* (Syariah) dan kaedah *literal*, *golden* dan *purposive* (undang-undang sivil).

Penulis tidak mengatakan bahawa pendekatan pengajaran ini sahaja yang terbaik. Penulis cuba dan sentiasa akan mencuba pelbagai pendekatan terkini dan terbaru dalam pengajaran subjek Usul Fiqh untuk menarik minat para pelajar. Sebarang kritikan dan cadangan daripada ahli akademik dan ilmuan yang lain adalah dialu-alukan untuk memantapkan metode pengajaran ini agar ia benar-benar berkesan dalam memantapkan thaqafah pelajar Syariah dan undang-undang terhadap subjek Usul Fiqh.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1994. *Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ashqar, Muhammad Sulayman 'Abdullah. 2001M/1422H. *al-Wadih Fi Usul al-Fiqh Li al-Mubtadi'in*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Dawudi, Safwan 'Adnan. 1999M/1420H. *al-Lubab Fi Usul al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1997M/1418H. *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- al-Isnaviyy, Jamaluddin 'Abd al-Rahim. 1999M/1420H. *Nihayat al-Sul Sharh Minhaj al-Wusul Fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Kamus Dewan Edisi Ketiga. 1998. Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khallaf, Abd al-Wahhab. t.th. *Ilm Usul al-Fiqh*. Cet. 8. T.tp: Maktabat al-Dawat al-Islamiyyah.
- al-Khudariyy, Muhammad. t.th. *Usul al-Fiqh*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Mahmood Zuhdi. 1997. *Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan* (dalam Dinamisme Pengajian Syariah). Pnyt. Mahmood Zuhdi. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- al-Maqdisiyy, Shamsuddin Muhammad bin Muflih. 1999M/1420H. *Usul al-Fiqh*. Jil. 1. al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.
- Salqiniyy, Ibrahim Muhammad. 1991M/1411H. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- al-Shawkaniyy, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1993M/1413H. *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Takhrij: Isam al-Din al-Sababatiyy. Jil. 2. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Zaydan, Abd al-Karim. 1993M/1414H. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Maydan Sayyidah Zaynab: Dar al-Tawzī' Wa al-Nashr al-Islamiyyah.

AKTA

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559). Undang-Undang Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan. Hingga 20 November 2001. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Hingga 25 Februari 2000. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301). Hingga 31 Mac 2000. Kuala Lumpur: International Law Book Services.